

10 MAR 1992

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Potong gaji Menteri2

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad masih meneliti cadangannya untuk memotong gaji, elaun dan lain-lain faedah serta kemudahan yang diperolehi oleh Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Sewaktu menjawab soalan Encik Lee Lam Thye (DAP-Kuala Lumpur Bandar) di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata:

"Saya memerlukan sedikit masa kerana sekiranya hendak dibuat apa-apa potongan, ianya hendaklah menasabah dan tidak mengganggu para anggota pentadbir yang sentiasa bekerja keras untuk rakyat dan negara."